

# Bau busuk di anak Sungai Mantin dipercayai akibat tumpahan bahan kimia

Bernama | 📅 Disember 25, 2019 11:58 MYT



Susulan penemuan tompokan yang dipercayai bahan kimia itu, Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) dari Balai Bomba dan Penyelamat Seremban 2 turut digerakkan. - Foto BERNAMA

**SEREMBAN:** Bau busuk yang secara tiba-tiba melanda kawasan sekitar Batu 4, Mantin awal pagi tadi akhirnya terjawab selepas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Seremban menemui tumpahan minyak dipercayai bahan kimia di dalam anak sungai, di situ.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seremban Mohammad Idris berkata selepas pihaknya menerima aduan daripada orang awam pada pukul 5 pagi tadi, sepasukan enam anggota telah dikerahkan dan tiba ke lokasi kejadian setengah jam kemudian.

"Ketika tiba di lokasi berkenaan, didapati terdapat tompokan minyak dan beberapa ekor ikan mati di dalam sungai tersebut. Selain itu, bacaan nilai PH air yang dilakukan di sungai berkenaan mendapati ia berada pada paras 5.8," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Susulan penemuan tompokan yang dipercayai bahan kimia itu, Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) dari Balai Bomba dan Penyelamat Seremban 2 turut digerakkan, membabitkan 10 anggota.

"Mereka telah dikerahkan ke lokasi bagi mengambil sampel bahan berkenaan untuk dibawa ke makmal Jabatan Alam Sekitar untuk dianalisis," katanya.

Sementara itu, kerja-kerja pembersihan bahan kimia berkenaan kini sedang giat dijalankan bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dan Mohammad berkata punca kejadian masih dalam siasatan.

Pemangku Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan Sharifah Zakiah Syed Sahab ketika ditemui di lokasi kejadian berkata sampel bahan tersebut telah diambil untuk dianalisis.

"Siasatan awal mendapati bahan tersebut adalah sisa daripada buangan terjadual. Dalam pada itu, agensi lain serta pihak berkuasa negeri telah dimaklumkan untuk masing-masing turut mengambil tindakan bagi mengelakkan buangan ini mengalir masuk ke loji rawatan air.